

Perkukuh kesedaran institusi beraja elak dimanipulasi fahaman sempit



Oleh Rusnisuri Abdul Rashid
bhrencana@bh.com.my

Keamanan di Malaysia amat penting sebagai satu jaminan untuk mencapai kemakmuran di samping taburan masyarakatnya terdiri daripada pelbagai kumpulan etnik, agama, budaya dan bahasa.

Oleh itu, perpaduan adalah tiang kemakmuran dan kedamaian negara perlu diti-tikberatkan serta dipelihara supaya terus kekal sepanjang zaman. Sekiranya kepelbagaian ini tidak dapat ditangani dengan baik dan cekap maka akan berlaku pertelingkahan serta perselisihan faham, akhirnya mengganggu gugat ketenteraman negara.

Institusi beraja di Malaysia adalah satu institusi tradisional sedia ada menjadi teras sistem pemerintahan dan pentadbiran dalam kerajaan Melayu. Ia muncul berabad lamanya bermula dengan Kesultanan Melayu Melaka sebagai kuasa pemerintahan dan meletakkan raja sebagai pemerintah dan mentadbir kerajaan.

Kesinambungan daripada sistem ini tertubuhnya beberapa negeri di Tanah Melayu diperintah oleh Raja-Raja Melayu. Apabila Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, institusi pemerintahan beraja diteruskan dengan beberapa pindaan disesuaikan dengan konsep Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan.

Peranan institusi beraja dapat dilihat dengan jelas berdasarkan peruntukan dalam Perlembagaan. Persepsi sesetengah individu beranggapan Perlembagaan adalah dokumen undang-undang bersifat teknikal dan hanya perlu difahami mereka yang mempunyai latar belakang pendidikan dalam bidang perundangan sahaja.

Namun, ini kurang tepat dan tidak sepatutnya berlaku. Sukar untuk mengharapkan masyarakat memahami isi kandungannya, mahupun mengetahui asas penting dalam Perlembagaan.

Mereka tidak melihat sebagai sebuah dokumen merakamkan perkembangan dan perubahan sistem bernegara sejak zaman dahulu lagi. Pada asasnya Perlembagaan merujuk kepada doktrin dan prinsip membentuk asas pemerintahan serta pengendalian sesebuah negara serta menjadi sumber rujukan tertinggi.

Fahami kedaulatan, kekebalan Raja

Jika ditelusuri, diskusi berkaitan institusi beraja tidak dapat dipisahkan dengan soal kedaulatan dan kekebalan Raja. Perlembagaan memperuntukkan jaminan berkaitan hak seseorang Raja dalam melaksanakan tugas dan kuasa bagi baginda di bawah peruntukan terkandung dalam Perlembagaan.

Namun, sejauh manakah peranan dan kedudukan institusi beraja ini dapat difahami rakyat? Situasi kontemporari yang berlaku terdapat sesetengah rakyat, tanpa mengambil kira status atau latar belakang, secara terbuka atau tidak, menunjukkan tindakan tidak menghormati kedudukan institusi beraja ini.

Kedaulatan institusi beraja ini jika dipolitikkan boleh membakar semangat perkauman mengancam perpaduan sosial yang terbina dalam masyarakat pelbagai etnik dan agama.

Oleh itu, kesedaran literasi masyarakat terhadap institusi beraja dalam Perlembagaan perlu dipertingkatkan supaya ia terpelihara daripada dimanipulasi individu yang masih bermain dimensi sempit.

Justeru, tindakan berkesan untuk meningkatkan kesedaran literasi rakyat terhadap institusi beraja dalam Perlembagaan perlu dilaksanakan secara konsisten. Hal ini kerana, kepelbagaian komposisi rakyat Malaysia boleh menimbulkan prejudis perlu diutamakan.

Memahami dan mengambil berat serta menghayati kedudukan institusi beraja dalam Perlembagaan berupaya mengukuhkan perpaduan rakyat.

Sekiranya mempunyai pengetahuan tidak tepat dan jelas dalam soal kedudukan serta peranan institusi ini, maka ia akan merumitkan penghayatan rakyat terhadap kedudukan institusi beraja.

Institusi beraja adalah payung kedaulatan negara memberi naungan saksama kepada setiap warganegara tanpa mengira kaum, kepercayaan agama dan fahaman politik.



Pensyarah Pusat
Pengajian Bahasa,
Tamadun dan
Falsafah, Universiti
Utara Malaysia